

**PERANAN PENGURUSAN ASET AIR BERHAD (PAAB)
DAN ISU PERKHIDMATAN AIR DI MALAYSIA**

Peranan PAAB:

- Bertindak sebagai syarikat yang membangunkan aset & infrastruktur air, serta pemilik aset air di negeri-negeri yang menandatangani Pestructuran Semula Industri Perkhidmatan Air Negara.
- Membangunkan infrastruktur air (loji rawatan air, paip utama, penggantian paip lama, sistem bekalan air)
- Menyediakan pembiayaan projek air secara kompetitif
- Menguruskan aset dan infrastruktur air dan memajak kepada operator air negeri
- Penggantian paip lama dan uzur bagi mengurangkan kadar air tidak berhasil (non-revenue water - NRW)

Perkara Berkaitan Perkhidmatan Air:

- Aset dan infrastruktur air negara (loji rawatan, rangkaian paip, infrastruktur air)
- Mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW)
- Memastikan sumber air, kawaasan tadahan air dan empangan diurus dengan baik oleh syarikat operator air negeri)
- Pembangunan projek baharu & naik taraf infrastruktur air
- Pembiayaan projek air
- Penstrukturan / pelarasan industri air
- Peranan operator/pembekal air negeri dalam penyampaian perkhidmatan air bersih kepada pengguna

Nota:

- *PAAB tidak menguruskan operasi membekalkan air bersih secara langsung kepada pengguna*
- *PAAB tiada kaitan dengan tarif air*
- *Perkhidmatan dan operasi bekalan air bersih dilaksanakan oleh syarikat operator air negeri*

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN AM

1. Karya penyertaan yang dipertandingkan adalah isu-isu dan cabaran mengenai aset air negara, perkhidmatan air, pembangunan infrastruktur air, pembiayaan projek air, pengurusan & pemajakan air, polisi air negara, peranan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), pengurangan kadar air tidak berhasil (non-revenue water - NRW) serta pemilik/syarikat/operator air negeri.
2. Penyertaan terbuka kepada warga Malaysia yang berkhidmat sebagai wartawan dan pengamal media yang bekerja sepenuh masa dengan mana-mana organisasi media cetak, penyiaran TV, penyiaran dalam talian dan portal berita serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
3. Stringer dan wartawan sambilan layak menyertai Anugerah Media PAAB.
4. Bahan-bahan penyertaan yang telah disiarkan dan diterbitkan mulai **1 Januari 2025 sehingga 31 Julai 2026** layak menyertai.
5. Penyertaan dibuka mulai 4 Mei 2026; **tarikh tutup penyertaan pada 4 Ogos 2026**.
6. Semua bahan berita/rencana bercetak; portal berita; multimedia; video; layak dipertandingkan.
7. Karya asli sahaja diterima.
8. Bagi karya salinan yang diterbitkan atau disiarkan dalam platform yang berlainan dari yang ditetapkan dalam kategori yang disertai, karya salinan hanyalah sekadar pembuktian dan rujukan penghakiman pada karya asli yang dihantar.
9. Penghantaran bahan penyertaan adalah melalui bahan yang telah **dimuatkan ke dalam simpanan awan (cloud storage) dan ruangan pautan (link)** yang terdapat pada borang penyertaan hendaklah **diisi dengan pautan bahan tersebut**.
10. Salinan kad pengenalan dan sekeping gambar profil peserta/kumpulan hendaklah dimuatkan ke dalam simpanan awan bersama bahan penyertaan.
11. Setiap penyertaan harus dikemukakan sekali dengan sinopsis.
12. Boleh rujuk grafik panduan sinopsis dan muatnaik bahan penyertaan: <https://mpi.my/wp/wp-content/uploads/2026/04/Panduan-Sinopsis-dan-Muatnaik-Bahan-II.pdf>
13. Pautan borang penyertaan: <https://mpi.my/award/paab>
14. Kesemua bahan-bahan penyertaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak mutlak MPI & PAAB.
15. MPI berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan gagal mematuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.
16. Tiada yuran penyertaan dan tiada had penyertaan.
17. Terdapat 3 kategori yang dipertandingkan.
18. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KHUSUS

LAPORAN BERITA TV & VIDEO DALAM TALIAN TERBAIK

HADIAH:

| | | |
|------------------|---|---------------------------|
| Pemenang Pertama | : | RM 3,000, trofi dan sijil |
| Pemenang Kedua | : | RM 1,000 dan sijil |
| Pemenang Ketiga | : | RM 500 dan sijil |

KRITERIA:

1. Anugerah ini diberikan kepada karya-karya video televisyen seperti pelaporan berita dan pelaporan khas mengenai **isu-isu berkaitan dengan aset air negara, perkhidmatan air, pembangunan infrastruktur air, pembiayaan projek air, pengurusan & pemajakan air, polisi air negara, peranan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), pengurangan kadar air tidak berhasil (non-revenue water - NRW) serta pemilik/syarikat/operator air negeri** dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
(Rujuk m/s 1 untuk maklumat lanjut berkenaan peranan PAAB dan perkhidmatan air)
2. Karya video televisyen yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat, pemberi khidmat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
4. Bagi karya Bahasa Cina dan Tamil, hendaklah ia dikemukakan bersama-sama terjemahan/sarikata ke Bahasa Melayu atau Inggeris.
5. Karya yang disiarkan melalui saluran dari stesen televisyen, platform dalam internet, media sosial, portal berita layak sertai kategori ini.
6. Bagi karya video:
 - Karya yang disiarkan hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan dan jurukamera berkenaan.
 - Hanya tayangan siaran pertama sahaja layak menyertai. **Tayangan ulang siar tidak layak.**
 - Durasi penyertaan video hendaklah **tidak lebih dari lima belas (15) minit.**
 - Bahan penyertaan video hendaklah dikemukakan dalam **format MP4** dengan resolusi video 720p atau 1080p.
 - Sekiranya karya video ditayang di media sosial, pautan hantaran video itu hendaklah dikemukakan dalam sinopsis.
7. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
8. Jika video itu bersiri, setiap video mestilah disusun mengikut aturan.

LAPORAN BERITA & RENCANA MEDIA CETAK TERBAIK

HADIAH:

| | | |
|------------------|---|---------------------------|
| Pemenang Pertama | : | RM 3,000, trofi dan sijil |
| Pemenang Kedua | : | RM 1,000 dan sijil |
| Pemenang Ketiga | : | RM 500 dan sijil |

KRITERIA:

1. Anugerah ini diberikan kepada karya-karya penulisan media cetak seperti pelaporan berita, komentar, ulasan, pandangan, rencana mengenai **isu-isu berkait dengan aset air negara, perkhidmatan air, pembangunan infrastruktur air, pembiayaan projek air, pengurusan & pemajakan air, polisi air negara, peranan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), pengurangan kadar air tidak berhasil (non-revenue water - NRW) serta pemilik/syarikat/operator air negeri** dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
(Rujuk m/s 1 untuk maklumat lanjut berkenaan peranan PAAB dan perkhidmatan air)
2. Karya pelaporan yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat, pemberi khidmat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
4. Bagi karya Bahasa Cina dan Tamil, hendaklah ia dikemukakan bersama-sama terjemahan ke Bahasa Melayu atau Inggeris.
5. Karya yang dihantar hendaklah asli dan **telah diterbit sama ada di penerbitan cetak seperti akhbar, majalah atau mingguan**. Karya dari portal berita atau dalam talian tidak layak sertai kategori ini.
6. Sinopsis boleh mengandungi pautan karya versi dalam talian, hanya sebagai rujukan. Sinopsis dan karya penulisan cetak hendaklah **digabungkan ke dalam satu file berformat PDF**.
7. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
8. Jika karya penulisan itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.

LAPORAN BERITA & RENCANA DIGITAL TERBAIK

HADIAH:

| | | |
|------------------|---|---------------------------|
| Pemenang Pertama | : | RM 3,000, trofi dan sijil |
| Pemenang Kedua | : | RM 1,000 dan sijil |
| Pemenang Ketiga | : | RM 500 dan sijil |

KRITERIA:

1. Anugerah ini diberikan kepada karya-karya penulisan digital seperti pelaporan berita, komentar, ulasan, pandangan, rencana mengenai **isu-isu berkait dengan aset air negara, perkhidmatan air, pembangunan infrastruktur air, pembiayaan projek air, pengurusan & pemajakan air, polisi air negara, peranan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), pengurangan kadar air tidak berhasil (non-revenue water - NRW) serta pemilik/syarikat/operator air negeri** dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
(Rujuk m/s 1 untuk maklumat lanjut berkenaan peranan PAAB dan perkhidmatan air)
2. Karya pelaporan yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat, pemberi khidmat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
4. Bagi karya Bahasa Cina dan Tamil, hendaklah ia dikemukakan bersama-sama terjemahan ke Bahasa Melayu atau Inggeris.
5. Karya yang dihantar hendaklah asli dan **telah diterbitkan sama ada di portal berita atau dalam talian**. Karya dari penerbitan cetak atau dalam talian tidak layak sertai kategori ini.
6. Sinopsis perlu mengandungi pautan karya dalam talian yang diterbitkan. Sinopsis dan karya penulisan dalam talian hendaklah **digabungkan ke dalam satu file berformat PDF**.
7. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
8. Jika karya penulisan itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.